




The Sarawak Museum Journal
Vol. 87 No. 108
December 2024



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Noranizah Yusuf and Saimi Bujang. (2024). The Hukum Kanun Lingga: A Grand Legacy of Islamic Legal History in Sarawak. The Sarawak Museum Journal, 87 (108): 51-86

THE HUKUM KANUN LINGGA: A GRAND LEGACY OF ISLAMIC LEGAL HISTORY IN SARAWAK

*Noranizah Yusuf and Saimi Bujang

Academy of Contemporary Islamic Studies, University of Technology MARA (UiTM),
 Samarahan Campus, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

*corresponding author

noranizah977@uitm.edu.my

ABSTRACT

This article aims to explain the significant role of the Hukum Kanun Lingga (HKL) in the history of Islamic law in Sarawak. The Muslim community once used the HKL as a legal reference during the reign of the Brunei Sultanate. This study employs a qualitative approach through the analysis of historical documents and legal texts, as well as philological methods, to understand the linguistic structure and legal context of the manuscript. This approach allows for an in-depth study of the development of Islamic law in Sarawak, particularly through the analysis of the original HKL text. The primary sources for this study are the HKL manuscript and previous studies related to the history of Islamic law in Borneo. The findings indicate that the HKL is a crucial document that validates the practice of Islamic law within Sarawak's society. The HKL contains laws related to marriage, criminal justice, economics, and land ownership, which are based on Islamic Sharia principles and local customs. In conclusion, this study emphasizes that the HKL is an important document that not only highlights the practice of Islamic law in Sarawak but also played a significant role in shaping the social, cultural, and legal structure of the Muslim community during the Brunei Sultanate era. The HKL clearly integrates Islamic Sharia principles with local customs, making it a vital foundation of the legal system at that time. The findings of this study introduce a new narrative on the development of Islamic law in Sarawak, where the HKL serves as solid evidence of the existence of a structured Islamic legal system prior to the Brooke colonial era. Therefore, preserving and further studying this manuscript is essential to understanding the heritage of Islamic law in Sarawak and ensuring it remains appreciated as part of the state's historical and cultural identity.

HUKUM KANUN LINGGA: WARISAN AGUNG SEJARAH PERUNDANGAN ISLAM DI SARAWAK

*THE HUKUM KANUN LINGGA:
A GRAND LEGACY OF ISLAMIC
LEGAL HISTORY IN SARAWAK*

*Noranizah Yusuf and Saimi Bujang

Academy of Contemporary Islamic Studies, University of Technology MARA (UiTM),
Samarahan Campus, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

*corresponding author
noranizah977@uitm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menjelaskan peranan penting Hukum Kanun Lingga (HKL) dalam sejarah perundangan Islam di Sarawak. HKL pernah digunakan sebagai rujukan undang-undang oleh masyarakat Islam pada era pemerintahan Kesultanan Brunei. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen sejarah dan teks undang-undang dan serta kaedah filologi untuk memahami struktur bahasa serta konteks hukum dalam manuskrip tersebut. Pendekatan ini membolehkan kajian mendalam dilakukan terhadap perkembangan hukum Islam di Sarawak, khususnya melalui analisis teks asal HKL. Sumber utama kajian ini adalah manuskrip HKL serta kajian-kajian terdahulu berkaitan sejarah perundangan Islam di Borneo. Hasil kajian menunjukkan bahawa HKL merupakan dokumen penting yang mengesahkan amalan perundangan Islam dalam masyarakat Sarawak. HKL mengandungi undang-undang berkaitan perkahwinan, jenayah, ekonomi dan pemilikan tanah yang berlandaskan prinsip-prinsip syariah Islam dan adat tempatan. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa HKL adalah dokumen penting yang bukan sahaja menjelaskan amalan perundangan Islam di Sarawak, tetapi juga memainkan peranan signifikan dalam membentuk struktur sosial, budaya dan undang-undang masyarakat Islam pada era pemerintahan Kesultanan Brunei. HKL dengan jelas

menggabungkan prinsip syariah Islam dengan unsur adat tempatan yang menjadikannya asas penting dalam sistem perundangan pada masa itu. Dapatkan kajian ini memperkenalkan satu naratif baharu tentang perkembangan perundangan Islam di Sarawak, di mana HKL berfungsi sebagai bukti kukuh tentang wujudnya sistem perundangan Islam yang berstruktur sebelum era penjajahan Brooke. Oleh itu, pemeliharaan dan kajian lanjut terhadap manuskrip ini adalah penting untuk memahami warisan perundangan Islam di Sarawak dan memastikan ia terus dihargai sebagai sebahagian daripada identiti sejarah dan budaya negeri ini.

Kata Kunci: Hukum Kanun Lingga, warisan sejarah, perundangan Islam, Sarawak

ABSTRACT

This article aims to explain the significant role of the Hukum Kanun Lingga (HKL) in the history of Islamic law in Sarawak. The Muslim community once used the HKL as a legal reference during the reign of the Brunei Sultanate. This study employs a qualitative approach through the analysis of historical documents and legal texts, as well as philological methods, to understand the linguistic structure and legal context of the manuscript. This approach allows for an in-depth study of the development of Islamic law in Sarawak, particularly through the analysis of the original HKL text. The primary sources for this study are the HKL manuscript and previous studies related to the history of Islamic law in Borneo. The findings indicate that the HKL is a crucial document that validates the practice of Islamic law within Sarawak's society. The HKL contains laws related to marriage, criminal justice, economics, and land ownership, which are based on Islamic Sharia principles and local customs. In conclusion, this study emphasizes that the HKL is an important document that not only highlights the practice of Islamic law in Sarawak but also played a significant role in shaping the social, cultural, and legal structure of the Muslim community during the Brunei Sultanate era. The HKL clearly integrates Islamic Sharia principles with local customs, making it a vital foundation of the legal system at that time. The findings of this study introduce a new narrative on the development of Islamic law in Sarawak, where the HKL serves as solid evidence of the existence of a structured Islamic legal system prior to the Brooke colonial era. Therefore, preserving and further studying this manuscript is essential to understanding the heritage of Islamic law in Sarawak and ensuring it remains appreciated as part of the state's historical and cultural identity.

Keyword: Hukum Kanun Lingga, legacy, Islamic law, Sarawak

PENGENALAN

Islam telah mentransformasikan masyarakat Melayu dari segi kepercayaan, undang-undang, pendidikan dan ekonomi. Penerimaan syariah oleh masyarakat di Nusantara membawa kepada pembangunan tamadun Melayu-Islam yang gemilang termasuk penghasilan naskhah undang-undang. Pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia yang bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka telah diperluaskan ke negeri-negeri lain seperti Pahang, Kedah dan Johor. Undang-undang Islam menjadi asas penting dalam menguruskan hal-hal kekeluargaan, jenayah, kehakiman, ekonomi dan muamalat, politik dan sebagainya. Walaupun adat tempatan turut mempengaruhi pembentukan undang-undang tersebut, syariah tetap menjadi rujukan utama dalam menyelesaikan konflik dan permasalahan yang wujud.

Bagi Sarawak, walaupun maklumat mengenai pelaksanaan perundangan Islam sebelum era Brooke kurang didapati namun bukti menunjukkan ia berkait rapat dengan pengaruh Kesultanan Brunei (Abdul Rahman, 2003; Mohd Yusoff, 2016). Sultan Sharif Ali dari Brunei telah mengukuhkan syariat Islam melalui pembinaan masjid dan pelaksanaan undang-undang syariah. Sebagai contohnya, Hukum Kanun Brunei yang mempunyai persamaan yang tinggi dengan Hukum Kanun Melaka menjadi panduan masyarakat Islam Brunei, yang juga mempengaruhi wilayah-wilayah takluk Kesultanan Brunei termasuklah di Sarawak (Sweeney, 1968; Mohamad, 2003).

Kerajaan Sambas yang terletak di selatan Sarawak juga memainkan peranan penting dalam penyebaran syariah dengan undang-undangnya yang dikenali sebagai Qanun Sambas. Sarawak, sebagai wilayah taklukan Brunei semestinya tidak terkecuali daripada pengaruh undang-undang Islam yang akhirnya dikodifikasi sebagaimana yang terkandung dalam HKL. Penemuan manuskrip HKL yang disimpan oleh waris pemerintah Kerajaan Banting yang berpindah ke Lingga selepas penguasaan Brooke di Sarawak mengukuhkan fakta bahawa Sarawak pernah memiliki sistem perundangan tersendiri yang berlandaskan syariah sebelum kedatangan Brooke (Azuan, 2018) .

Ketiadaan rekod perundangan Islam yang jelas sebelum penemuan HKL menimbulkan persoalan tentang pengaruh undang-undang di Sarawak terutama apabila melihat kedudukannya yang strategik di antara Brunei di utara dan Sambas di selatan. Meskipun Brunei dan Sambas memiliki kanun perundangan yang formal seperti, Sarawak sebagai sebuah wilayah yang luas tidak menampilkan kesan langsung daripada kanun-kanun ini dalam sejarah terdahulu.

Kajian terhadap perkembangan perundangan Islam di Sarawak telah menarik minat para sarjana untuk memahami lebih lanjut tentang sejarah hukum dan pengaruhnya terhadap masyarakat Islam di Sarawak. Azuan Jemat (2018 &

2019) dalam kajiannya telah membuktikan bahawa terdapat kerajaan Melayu Islam yang berpusat di Banting, Lingga sebuah kawasan yang memainkan peranan penting semasa penguasaan Kesultanan Brunei di Sarawak. Ini menunjukkan bahawa Islam telah berkembang luas di kawasan ini dan telah membentuk asas perundangan dalam masyarakat Melayu Islam tempatan.

HKL menjadi bukti kukuh bahawa perundangan Islam telah diamalkan sejak awal di Sarawak. Ia membuktikan bahawa masyarakat Melayu Islam di Sarawak telah memiliki undang-undang yang tersusun berdasarkan prinsip syariah Islam dengan unsur-unsur adat tempatan yang menjadi panduan penting dalam kehidupan mereka. Kewujudan dokumen ini menjadi satu penemuan penting dalam usaha memahami sejarah perundangan Islam di Sarawak dan hubungannya dengan perkembangan politik serta budaya di wilayah tersebut.

Selain itu, surat-surat pelantikan Brooke sebagai Rajah Putih Sarawak daripada Pengiran Muda Hashim dan Sultan Omar Ali Saifuddin II mengesahkan bahawa perundangan Islam telah diamalkan di Sarawak. Dalam surat-surat perjanjian tersebut menegaskan bahawa James Brooke hendaklah mendirikan atau menegakkan hukum agama Islam dan adat yang menjadi amalan Kesultanan Brunei di Sarawak. Bersumberkan kedua-dua dokumen tersebut jelas menunjukkan bahawa semasa di awal zaman pemerintahan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak, beliau dikehendaki mengekalkan hukum kanun dan perundangan Islam dalam pemerintahannya (Boyd, 1936).

Bukti-bukti yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa perundangan Islam telah memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu di Sarawak sebelum kedatangan Brooke. Penemuan HKL dan surat perjanjian antara Kesultanan Brunei dan James Brooke mengesahkan bahawa undang-undang Islam menjadi rujukan utama dalam pentadbiran. Ini membuktikan bahawa Sarawak memiliki sistem perundangan Islam yang tersendiri berasaskan syariah dan adat tempatan sebelum pengaruh penjajahan Brooke.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif menerusi reka bentuk kajian historiografi yang menekankan empat langkah utama iaitu heuristik, kritikan sumber, analisis dan interpretasi data serta penulisan historiografi dan metode analisis dokumen sebagai teknik pengumpulan data kajian (Gottschalk, 1969; Lubis, 2008; Ahmaddin, 2022; Sayono, 2021). Selain itu, untuk memastikan keabsahan data

yang diperolehi penulis mengaplikasi kaedah kritikan luaran dan kritikan dalaman (Mohd Noor, 2002; Kamaruzaman, 2015). Seterusnya data yang dikumpul diamati dengan teliti menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Kemudian data yang diinterpretasi ini diuji dengan menggunakan kaedah triangulasi data bagi memantapkan lagi dapatan yang diperolehi. Setelah proses-proses ini dilakukan, barulah pengkaji memfokuskan kepada historiografi iaitu proses membentuk tafsiran dan gagasan idea berpandukan kepada konteks kajian sejarah (Kamaruzaman, 2015).

Bagi mengesahkan keabsahan kandungan HKL, pengkaji turut menggunakan pendekatan filologi yang digunakan secara meluas dalam kajian manuskrip. Kaedah filologi sering digunakan dalam pengkajian sumber berbentuk manuskrip bagi menentukan kebenaran atau keaslian kandungannya. Pendekatan filologi ini melibatkan analisis mendalam terhadap teks-teks manuskrip untuk menentukan asal usul, sejarah dan evolusi teks tersebut. Kaedah ini penting dalam memahami konteks sejarah, budaya dan linguistik di mana manuskrip tersebut ditulis (Mohamad *et al.*, 2021).

Dengan menggunakan kaedah filologi, pengkaji dapat meneliti aspek-aspek seperti variasi bahasa, gaya penulisan dan perubahan teks sepanjang waktu. Selain itu, kaedah filologi juga membantu dalam membandingkan manuskrip dengan sumber lain yang sama untuk menemukan persamaan atau perbezaan yang dapat memberikan petunjuk tambahan mengenai realibiliti dan validiti teks (Dewi, 2018). Dengan demikian, pendekatan filologi dalam kajian HKL tidak hanya mengesahkan keaslian teks tetapi juga memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai latar belakang sejarah dan budaya di mana manuskrip tersebut disalin dan digunakan.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Dalam konteks peradaban masyarakat Melayu, penggubalan undang-undang seiring dengan pembentukan budaya dan adat yang mempunyai mesej dan pengajaran. Pemerintah memerlukan undang-undang bagi mengawal tindak tanduk rakyatnya serta menjaga keharmonian negara. Selain itu, undang-undang juga merupakan alat yang digunakan untuk mengekalkan kekuasaan dan kedudukan pemerintah. Atas dasar ini, sudah pasti terdapat undang-undang khusus yang digunakan oleh pemerintah Islam di Sarawak untuk mentadbir wilayah-wilayah yang terdapat di negeri Sarawak. Penemuan manuskrip HKL menjadi bukti bahawa masyarakat Islam di Sarawak telah mengamalkan undang-undang Islam dalam pemerintahan sebelum kedatangan James Brooke.